



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 33

RABU 15HB OGOS, 1979.

1399 رابو 21 رمضان

PERCHUMA

TAWAKKAL — BERSERAH KPD ALLAH s.w.t. DAN BERUSAHA MELAKUKAN IKHTIAR

SERUSOP. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain mengingatkan umat Islam supaya selalu mengingati bahawa tawakkal itu sa-bagai suatu yang bukan bererti kita perlu meninggalkan usaha, ikhtiar atau tadbir.

Kata Yang Berhormat itu tawakkal menurut ahli2 tasawuf sa-bagai suatu yang menghasilkan munafaat yang belum ada, memelihara munafaat yang telah ada, menolak mudharat yang akan datang dan menolak mudharat yang telah ada.

Mengingatkan demikian ketika merasmikan sambutan Nuzul Al-Kor'an bagi Daerah Brunei Muara bertempat di-Masjid Muhammad Bolkih di-sini malam Sabtu, 11hb Ogos lepas, Yang Berhormat itu menekankan sa-benar-nya manusia yang menerima Al-Kor'an itu adalah dengan penoh tawakkal kepada Allah sa-bagai hamba yang taat kepada Tuhan-nya.

Menurut Yang Berhormat Pehin Ratna, tawakkal itu termasuklah menyerahkan diri kepada Allah s.w.t. dengan cara berpegang tegoh kepada ajaran2-Nya dan dengan cara mempergunakan segala sebab musabab yang menjadi kelaziman serta mengharap pertolongan daripada-Nya jua.

Al-Kor'an jelas Yang Berhormat itu lagi ada-lah menjadi kitab agong di-dunia ini dan dari keagongan-nya itu menjadikan makhluk sa-lain dari manusia tidak sanggup memikul dan menanai-nya.

"Gunong-ganang dan bukit-bukau, khusus dan tundok, gerun dan takut kepada keagongan Al-Kor'an dan semua makhluk yang lain daripada manusia tidak sanggup menanai Al-Kor'an", terang Yang Berhormat itu.

Bagaimanapun manusia dengan hati yang tabah, kata-nya, sanggup menerima dan menanai Al-Kor'an itu bukan seperti makhluk2 lain itu tadi sa-bagaimana penjelasan Allah dalam surah Al-Hashar ayat 21.

"Kalau-lah sa-kira-nya Kami (Allah) menurunkan Al-Kor'an ini ka-atas gunung, neshaya engkau (wahai Muhammad) lihat gunung itu akan tundok serta belah, oleh kerana takut kepada Allah, perumpamaan ini Kami (Allah) tunjukkan untuk manusia, mudah2an mereka itu memikirkan-nya", firman Allah

menurut penjelasan Yang Berhormat Pehin.

Dari maksud ayat tersebut, jelas Yang Berhormat Pehin Ratna lagi, betapa kita manusia chukop berani dan sanggup menerima serta menjunjung Al-Kor'an itu berbanding dari kegementaran makhluk2 lain tadi dalam menghadapi keagongan Al-Kor'an dan Allah s.w.t.

"Dan mungkin keberanian dan ke-sanggupan itu di-dorong oleh beberapa sebab, di-antara-nya ia-lah kerana Allah s.w.t. mengoraniakan kepada manusia akal fikiran yang boleh membedakan di-antara mana yang baik dan mana yang buruk, akal fikiran itu-lah yang membedakan antara manusia dengan haiwan, tumbuhan dan gunung-ganang di-samping itu Allah s.w.t. memberikan petunjuk taufik dan hidayat kepada manusia untuk memandu akal itu ka-jalan yang di-redhai oleh Allah s.w.t.", jelas Yang Berhormat Pehin.

"Berakhlak dengan ajaran Al-Kor'an" Thema Nuzul Al-Kor'an tahun ini

SERUSOP. — Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Pengerusi sambutan Nuzul Al-Kor'an bagi Daerah Brunei-Muara mensifatkan tema sambutan tahun ini 'BERAKHLAK DENGAN AJARAN AL-KOR'AN' sa-bagai bersesuaian dengan keadaan bulan Ramadhan, bulan yang membentuk akhlak manusia seluruh-nya.

Berkata demikian dalam sambutan berkenaan yang di-adakan di-Masjid Muhammad Bolkih di-sini malam Sabtu yang baru lalu, Awang Haji Abu Bakar menjelaskan, sa-sungguh-nya akhlak yang baik itu adalah kekuatan yang hebat bagi mempertahankan kebebasan dan ketinggian umat manusia.

Kata-nya, akhlak yang baik tidak menyusahkan dan memberatkan diri kita, malah adalah menguntungkan kita dalam semua perkara.

"Kejayaan kita dalam hidup ada-lah bergantung kepada akhlak yang baik sa-banyak pergantungan-nya kepada kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan kita", kata Awang Haji Abu Bakar.

Awang Haji Abu Bakar menambah kata, sifat2 benar, amanah dan jujur, timbang rasa serta berkorban kerana muslihat orang ramai menurut ajaran Allah ada-lah kekuatan akhlak

yang membahagiakan dan memajukan masyarakat manusia seperti mana terdapat dalam firman Allah dan sabda Rasulullah.


Sambutan Nuzul Al-Kor'an tahun ini yang di-adakan sa-chara sa-rentak di-semua daerah telah di-adakan di-Masjid Muhammad Bolkih di-sini bagi penduduk2 Daerah Brunei-Muara.

Dalam Majlis sambutan malam itu, acara telah di-mula dengan bacaan Al-Kor'an, ucapan2 serta sharahan khas dan di-akhiri dengan majlis Khatamal Kor'an serta do'a selamat.

Berkursus di-UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pegawai dari Chawangan Udara Askar Melayu Diraja Lt Sharifuddin bin Pehin Orang Kaya Maharaja Seri Rama Dato Paduka Haji Mohammad telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk mengikuti kursus penerbangan.

Lt Sharifuddin ada-lah merupakan anak tempatan yang pertama mengikuti kursus bagi lesen juruterbang perdagangan itu. Beliau akan mengikuti kursus tersebut sa-lama 13 bulan.



Bentuk wang kertas \$500 dan \$1000 yang baru yang akan di-keluarkan pada 20hb Ogos ini.

WANG KERTAS BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Lembaga Matawang Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee mengumomkan bahawa dua jenis wang kertas yang baru akan di-keluarkan pada 20hb Ogos, 1979. Kedua2 jenis wang kertas baru itu ia-lah \$500 dan \$1000.

Di-sebelah hadapan kedua2 jenis wang kertas itu masing2 mengandongi wajah dan tanda-tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah.

Di-sebelah belakang bagi wang kertas \$500 mengandongi gambar Masjid Omar Ali Saifuddin sementara wang kertas \$1000 mengandongi gambar Muzium Brunei.

Sa-bagai tambahan kepada benang keselamatan dan tanda tembus yang biasa di-penjur sa-belah kanan bagi tiap2 wang kertas tersebut mempunyai bayangan yang tersembunyi. Bayangan yang tersembunyi ini ia-lah perkataan 'Brunei' dalam tulisan Jawi dan boleh di-lihat bila-mana wang kertas itu di-tayangkan sa-rata dengan paras mata menghadap chahaya.

MANIS-NYA IMAN

"SESUNGGOH-nya kamu di-panggil pada hari kiamat dengan nama kamu dan nama bapa kamu. Oleh itu hendaklah kamu elokkan nama kamu." — HADITH Nabi Riwayat Abu Daud daripada Abu Darda.

Langkah
mengawal
kemasokan
minuman keras
sa-chara haram

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak Kastam dan Pulis sedang melaksanakan usaha2 untuk mengetatkan kawalan terhadap penjualan dan pembawaan masuk minuman2 keras yang di-ketahui sedang di-lakukan dengan giat-nya oleh kalangan2 yang tidak memiliki lesen yang sah yang di-keluarkan oleh Lembaga Melesen Minuman Haram.

Dalam satu siaran akhbar-nya, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyatakan tentang terdapat-nya beberapa buah sharikat di-negeri ini yang tidak berlesen membawa masuk minuman2 haram dengan tujuan untuk di-jual.

Yang Amat Mulia itu bersabda, perbuatan ini ada-lah melanggar peratoran2 Lembaga Melesen dan Undang2 Eksais.

Untuk mengesan langkah2 mengawal itu, Yang Amat Mulia itu telah mengeluarkan surat keliling kepada semua pegawai2 kastam dengan mengarahkan mereka supaya menahan dan tidak membenarkan masuk minuman2 haram (alcoholic) oleh orang2 atau sharikat2 yang tidak berlesen.

"Semua kemasokan minuman haram hanya boleh di-keluarkan dari kawalan kastam jika pengimpot itu boleh menunjukan lesen mereka yang sah, kechuali-lah minuman itu untuk kegunaan persendirian", demikian Yang Amat Mulia itu menyabdakan.

Lihat muka 16



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASHMI
KEBAHSA
NEGERI
BRUNEI

15HB OGOS, 1979

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

HARAPAN KAPADA ANGGOTA2 AMDB

ADA-NYA berita yang mengatakan bahawa beberapa orang anggota2 AMDB akan berhenti ada-lah satu perkara yang menarek sa-hingga ia-nya menimbulkan kekuchitaan sa-orang pegawai tinggi AMDB sendiri yang kemudian-nya menyuarakan kekuchitaan-nya itu sa-chara terbuka. Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja, Lt. Kol. Pengiran Ibnu ketika bersabda di-upachara tamat latehan rekrut2 AMDB minggu lalu menumpukan seruan dan harapan-nya kepada mereka yang berniat untuk berhenti itu supaya berfikir dua kali dan mengusai apa2 jua kesulitan dengan pegawai2 mereka. Yang Amat Mulia itu percaya bahawa tidak ada kesulitan yang begitu rumit sa-hingga ia-nya tidak dapat di-selesaikan bersama.

Kita kira bahawa kekuchitaan Yang Amat Mulia itu di-rasakan sama juga oleh sa-bilangan besar raayat dan penduduk negeri ini, kerana tindakan beberapa orang anggota2 AMDB yang hendak berhenti itu, apa lagi jika di-antara mereka yang hendak berhenti itu terdiri dari kalangan pegawai, ada-lah serba mungkin menchachatkan harapan raayat dan penduduk negeri ini dari sudut kekuatan pertahanan negara yang sa-lama ini di-yakini mereka hanya boleh di-pertanggung-jawabkan sa-penoh-nya oleh anak negeri terutama dalam saat menempoh kemerdekaan.

Saperti yang di-tekanakan oleh Yang Amat Mulia itu bahawa pasokan AMDB ada-lah tenaga raayat yang menjadi tulang belakang negara ini dan menjadi utap di-dalam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan. Kedaulatan negara ini akan terserah kepada kita semua kerana kita tidak dapat lagi mengharap2kan orang lain untuk membantu kita dalam mempertahankan dan menumpaskan segala gejala melainkan dengan tenaga kita sendiri selaku perwira negara. Kita terpaksa berdiri di-atas kaki kita sendiri, kita terpaksa mengendali dan menyelesaikan kesulitan2 kita, kita terpaksa menghadapi ancaman2 yang mungkin terdapat dengan kebolehan dan kecekapan kita sendiri.

Di-sini jelas betapa besar-nya harapan yang disandarkan dan di-pikulkan ka-bahu AMDB yang sawajar-nya di-fikirkan dengan sungguh2 oleh seluruh anggota2 AMDB. Sa-bagai perwira negara, maka ada-lah juga perlu bagi mereka membuat pertimbangan2 yang lebih mendalam dan mengetahui dengan arif-nya apa-kah kesan-nya kapada negara jika perwira2 negara sendiri sudah tidak mahu berada di-barisan depan.

Perkara yang perlu di-ingat bahawa gejala2 anti nasional di-saat kita memasuki pintu kemerdekaan ini ada-lah merupakan asam garam yang mahu tidak mahu terpaksa di-hadapi sama ada ia-nya di-pengarahkan sa-chara terang2an mahu pun sa-chara bisik-bisikan. Di-sini-lah tempat-nya yang mengkehendaki kita menguatkan kewaspadaan jangan sampai kita yang menjadi mangsa-nya yang akhir-nya nanti kita juga yang rugi dan bangsa kita juga yang ketinggalan di-bumi-nya sendiri. Sebab itu ada-lah perlu bagi kita menghindarkan diri dari mengamalkan tabi'at marah-kan nyamok kelambu di-bakar.

Tidak dapat di-nafikan bahawa bidang ketenteraan merupakan satu perkhidmatan yang penoh dengan kesan dan chabaran di-samping sanjongan dari negara dan raayat—lebeh2 lagi pada ketika ini bidang tersebut mendapat pengorniaan yang lebeh memuasah dari Kerajaan Kebawah DYMM. Kalau sudah di-takdirkan, bukan kerana itu pun, kita akan terpaksa melangkahkan kaki untuk mempertahankan kehormatan dan kedaulatan negara, raja dan raayat jika tiba saat2 yang memerlukan-nya saperti hal-nya dengan sa-tengah2 negara yang mengadakan perkhidmatan negara (national service).

YANG paling teristeme-wa pada bulan Ramadhan ini ia-lah 'Lailatul Kadar' atau di-sebut oleh orang kita sa-bagai 'Malam Kadar'.

Apa dia ?

Allah s.w.t. menyatakan bahawa malam kadar itu terlebeh baik daripada sa-ribu bulan; pada malam itu para malaikat, khas-nya Jibril di-izinkan Allah turun ka-bumi bagi urusan2 yang di-takdirkan-Nya; malam itu ia-lah malam yang penoh sejahtera lagi berkat sa-hingga-lah ka-terbit fajar.

RISTAAN

Ada berbagai2 ristaan mengapa malam yang sedemikian itu mendapat nama-nya sa-bagai malam kadar. Antara-nya: kerana kepentingan dan kemuliaan-nya. Atau: kerana sa-siapa yang tiada mempunyai 'kadar' akan beroleh kadar pada malam itu jika ia menda-pati-nya. Atau: kerana sa-tiap amal saleh yang dilakukan oleh sa-orang mu-min akan mendapat nilai tinggi di-sisi Allah di-sebabkan ia-nya di-makbulkan pada malam tersebut.

Bagaimana pun bunyi ristaan2 tentang sebab pe-namaan-nya itu tetapi Allah s.w.t. siang2 lagi mengingatkan bahawa ketinggian malam kadar itu ada-lah di-luar ukuran kita. Tegasya kita tidak-lah tahu bentuk ketinggian atau kemuliaan-nya.

Jadi bagaimana?

Memadai-lah dengan memperchayai-nya sa-bagai suatu malam yang penoh berkat, mulia lagi sejahtera, yang teristeme-wa daripada sa-ribu bulan saperti yang di-nyatakan oleh Allah itu. Yang penting di-ingat bahawa keistemewaan-nya daripada sa-ribu bulan ia-lah dari segi amal ibadat. Bahawa amal ibadat satu malam pada malam tersebut nilai-nya terlebeh baik jika di-banding dengan sa-ribu malam yang lain.

Dan sa-kali lagi kita tidak tahu berapa kadar kebaikan-nya itu. Kita chuma menaroh keyakinan bahawa nilai kebaikan yang berlipat ganda banyak-nya itu ada-lah suatu limpah kornia Allah. Dia-lah yang berkuasa menentukan apa yang di-kehendaki-Nya dengan chara yang di-kehendaki-Nya juga. Mungkin dengan sedikit amalan saja sudah di-makbulkan dan di-kira terlebeh baik daripada amalan yang banyak. Sebab: syarat kebaikan sa-suatu amalan ia-lah keberkatan-nya untok di-terima Allah.

BANDINGAN UMOR
DAN AMAL

Bagaimana pun ada riwayat menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. mendapati umur umat2 dahulu kala panjang2 belaka sedangkan umur kita — umat Baginda — ada-lah singkat2. Baginda khawatir betapa kita umat-nya tidak akan sempat banyak beramal jika di-banding dengan kesempatan beramal umat2 dahulu kala itu. Maka bagi menghilangkan kekhawatiran Baginda itu Allah s.w.t. pun mengornia-

Lailatul Kadar MALAM MEMOHONKAN AMPUN

"TETAPI, dalam hubungan amal ibadat, sa-jauh mana kekayaan itu — jika di-beri — dapat di-pergunakan bagi kebaikan dan kesejahteraan yang sa-benar? Berbanding dengan penderitaan kerana menanggung dosa. Lalu jika di-beri keampunan atas segala dosa maka tentu-lah maana-nya kita bahagia . . ."



Majlis bertadarus di-Masjid Omar Ali Saifuddin.

malam kadar pada sa-tiap tahun dan menjadikan-nya terlebeh baik daripada sa-ribu bulan umat2 yang dahulu itu.

Di-katakan juga bahawa pada masa dahulu kala sa-seorang itu tidak di-kira sa-bagai ahli ibadat sa-hinggalah sa-telah ia beribadat kepada Allah selama sa-ribu bulan, ia-itu lapan puluh tiga tahun empat bulan. Ma'ana-nya, pada masa2 dahulu itu hanya orang2 yang berumur lebeh lapan puluh tiga tahun sahaja-lah yang berpeluang untok di-akui sa-bagai ahli ibadat. Maka umat Nabi Muhammad s.a.w. teristeme-wa daripada syarat itu dengan Allah mengornia-ni malam kadar yang melebeh kebaikan-nya sa-ribu bulan.

KADAR APA?

Ristaan orang tua2 kita mengenai malam kadar itu lebeh banyak dari segi kebendaan. Mithal-nya ada banyak cerita bahawa orang2 yang mendapati malam kadar itu meminta di-beri kadar kaya lalu orang2 itu pun beroleh kekayaan!

Tidak-lah dapat di-pastikan benar-nya hal itu. Bagaimanapun Nabi s.a.w. ada menjelaskan bahawa kadar yang sepatutnya di-chari, di-tuntut dan di-peroleh oleh orang2 yang beribadat pada malam kadar itu ia-lah keampunan Allah atas segala dosa.

Ya! Keampunan. Bukan-lah kadar berupa kekayaan yang tentu-nya bersifat kebendaan. Benar. Hajat dan keinginan kita biasa-nya apabila di-beri peluang ialah mahukan kekayaan. Tetapi, dalam hubungan amal ibadat, sa-jauh mana kekayaan itu — jika di-beri — dapat di-pergunakan bagi kebaikan dan kesejahteraan yang sa-benar? Berbanding dengan penderitaan kerana menanggung dosa. Lalu jika kita di-beri keampunan atas segala dosa maka tentu-lah maana-nya kita bahagia. Dan bukan-kah kebahagiaan itu yang sebenar-nya kita hajati?

Maka keampunan Allah itu-lah yang patut kita menuntut dalam sa-panjang ibadat pada malam kadar itu.

BILA?

Bila-kah malam kadar itu tidak-lah pasti ketetapan-nya.

Tetapi Rasulullah s.a.w. ada 23, 25, 27, dan 29. menyuruh kita mendapatkan-nya pada sa-puluh malam terakhir bulan Ramadhan ini. Adanya ristaan atau riwayat dari Rasulullah s.a.w. bahawa alamat malam kadar itu ibadat beserta memohonkan keampunan pada sa-puluh malam terakhir bulan Ramadhan nar, ia-itu चाहaya-nya terang melebeh dua puluh malam tapi bening.

Tidak-lah ada keterangan Dan berpendukan kapada yang boleh menguatkan ristaan amalan Nabi sendiri, Baginda orang2 kita bahawa alamat mengistimewakan dalam sa-malam kadar itu ia-lah ayer puluh malam itu malam2 21, di-dapati beku. Wallahu 'alam!

" semoga kamu bertakwa."

PANDUAN BERPUASA

AWDA sudah berpuasa lebeh sa-tengah bulan. Seronok bukan ?

Keseronokan-nya itu ia-lah apabila awda merasa lapang dada kerana dapat menunaikan kewajiban yang diperintahkan Allah. Lapang dada atau lega perasaan sa-telah menunaikan perintah Allah ada-lah suatu nikmat Allah kapada orang2 yang beribadat. Dan jika awda berpuasa demikian erti-nya awda telah menjadi ahli ibadat. Semoga-lah awda berkekalan begitu hingga tidak sahaja sampai ka-ujung bulan Ramadhan ini tapi juga sampai ka-ujung hayat.

Itu-lah yang di-harapkan dari ibadat puasa. Sebab berpuasa itu memberi kesempatan kapada awda terdorong supaya lebeh dekat lagi kapada ibadat2 yang lain. Siang malam begitu, lalu terasa-lah lazat-nya ibadat, dan terasa manis-nya iman yang kerana-nya jua-lah awda berasa tenteram.

Dalam pada itu mungkin sa-panjang bulan Ramadhan ini awda berkeuzuran lalu tidak-lah dapat berpuasa. Begitu pun awda tidak patut hampa dari merasakan lazat manis-nya ibadat sa-panjang bulan ini. Awda maseh di-beri peluang melalui jalan lain.

Jika uzur awda itu kerana umur sudah tua dan lemah sa-hingga tidak tahan untok berpuasa; atau kerana sakit yang tiada di-harapkan semboh-nya dalam bentuk terlanter sa-panjang tahun, maka awda maseh boleh menyertai ibadat puasa sa-chara membayar fidyah, ia-itu memberi makan tiap2 sa-hari puasa yang di-tinggalkan dengan sa-chupak beras kapada fakir miskin. Awda tidak-lah dikenakan kadha'. Dan fidyah awda itu bukan-lah satu denda tetapi sa-benar-nya suatu chara penyertaan puasa dalam awda berkeuzuran yang sedemikian.

Ini berlainan sekali kalau awda tidak berkeuzuran, sengaja tidak berpuasa bahkan sengaja pula melanggar tegahan2 tertentu pada siang bulan Ramadhan ini. Mithal-nya awda bersetuboh pada siang hari, maka awda di-kira berdosa, lalu di-kenakan wajib mengkadha. Dan lebeh malang lagi ia-lah awda di-kenakan 'kafarah' saperti berikut: —

Pertama: Hendak-lah memerdehakan sa-orang hambaba abdi.

Kedua: Jika tidak ada hamba abdi atau tidak terdada berpuasa begitu kerana harta tebusan-nya sangat mahal, maka awda hendak-lah berpuasa dua bulan berturut2 dengan tidak putus2. Jika terputus hendak-lah berpuasa dengan kiraan barharu.

Ketiga: Jika awda tidak berdaya puasa dua bulan berturut2 itu maka hendak-lah memberi makan enam puluh orang fakir miskin.

Mudah2an awda tidak terdorong kapada kesalahan tersebut pada bulan Ramadhan yang berkat ini!

PADA sa-tiap tahun diadakan peraduan membaca kitab suci Al-Kor'an dan sharahan bagi penuntut sekolah2 agama rendah di-seluruh negeri Brunei, yang di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama sa-bagai rancangan tetap tahunan Bahagian Pelajaran Agama. Rancangan ini antara lain bertujuan untuk membimbing anak2 ka-arrah kegiatan yang berfaedah, dan sa-bagai galakan yang praktis ka-arrah menggemari bacaan Al-Kor'an, mempelajari dan mengetahui-nya dengan baik.

Kita insaf, dalam zaman pencharoba yang juga dinamakan zaman maju ini, banyak orang melupakan agama dan Al-Kor'an. Serangan2 ilmu pengetahuan moden yang di-ukor dengan sa-bukit2 benda, membawa sa-tengah orang terpuakau dan serba salah ka-mana hidup hendak di-tuju. Dan punchak dari serba salah itu, ada orang Islam yang menyalahkan agama dan Al-Kor'an. Agama ada-lah penjara dan tembok kapada kemajuan. Kerana itu orang Islam apabila mahu maju, ia perlu keluar atau berdiri di atas pagar. Dan tentang Al-Kor'an, ada chadangan supaya di-beri wajah baru, dari tulisan dan bacaan-nya yang asal di-tukar ka-tulisan latin atau di-rumikan. Ini berlaku di-beberapa negara Islam yang tua, dan bahkan sa-hingga sekarang kechenderongan begini ramai yang hendak mengikuti-nya.

Al-Kor'an dengan segala keaslian-nya ada-lah ubat dan sumber kekuatan muslimin. Jika tidak ada Al-Kor'an maka tidak akan wujud kekuatan itu. Dalam Al-Kor'an terdapat segala-gala-nya, sa-bagai suloh dan petunjuk. Dan petunjuk itu bukan di-putek di-mana2 sahaja, tetapi ia di-urus oleh Allah Ta'ala, dan salah satu chara yang mudah dan terjamin untuk mendapatkan-nya ia-lah dengan menadarus dan membaca Al-Kor'an.

Nabi s.a.w. bersabda yang bererti: "Bacha-lah oleh kamu Al-Kor'an, kerana ia akan datang kapada orang yang membaca-nya dengan memberi shafa'at pertolongan pada hari kiamat".

Orang yang membaca Al-Kor'an dengan betul

DENGAN MEMBACHA AL-KOR'AN SA-OLAH2 BERKATA-KATA DENGAN ALLAH s.w.t.

segala tajuid dan makhraj-nya sa-olah2 ia berkata-kata dengan Allah Ta'ala, kerana Al-Kor'an itu ia-lah Kalamullah. Orang yang membaca Al-Kor'an ia-lah orang yang mendengar ajaran2 Allah Ta'ala dan mentalaah hukum2-nya sebab Al-Kor'an itu sendiri berisi dengan hukum2, nasehat2, cherita2, akidah dan sa-bagai-nya. Orang yang membaca Al-Kor'an akan dapat memahami semua itu sa-bagai mukjizat yang memberikan ketenangan hidup dan kesedaran. Oleh sebab itu-lah, Rasulullah s.a.w. menyuruh dan menyeru sahabat2 dan umat Islam supaya sentiasa membaca Al-Kor'an, bila2 masa sahaja, pagi dan petang.

Menurut hadith, barang siapa yang membaca satu huruf dari Al-Kor'an maka ia dapat satu kebajikan dan satu kebajikan di-beri pahala sa-puluh kali ganda. Sabda Nabi yang bererti: "Aku tidak kata aliflammim itu satu huruf, tetapi alif itu satu

KHUTBAH JUMAAT

huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf".

Mari-lah kita sama2 mendukung dan menolong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada meninggikan taraf pelajaran raayat dan kanak2 khusus-nya dalam bidang pelajaran membaca Al-Kor'an. Kita tinggikan mutu pelajaran tulisan jawi dan kikis keinginan untuk merumikan Al-Kor'an atau kegemar-an membaca Al-Kor'an lain dari asal-nya. Biasakan-lah menjawab dan seruan menghafaz ayat Al-Kor'an, sebab orang yang tiada hafaz sa-suatu ayat Al-Kor'an dalam dada-nya, orang itu ada-lah laksana sa-buah rumah yang burok, sa-balik-nya orang yang hafaz Kor'an dan selalu memelihara dengan membaca-nya, ada-lah orang itu dekat dan sentiasa kekal bersama-sama-nya. Sebab Al-Kor'an itu, menurut sabda Nabi, perlu di-pelihara, jika tidak ia akan meninggalkan kita. Sabda Baginda yang erti-nya: "Demi Tuhan yang diri Muhammad dalam tangan-Nya, bahawa Al-Kor'an itu ada-lah lebeh liar dari unta yang di-ikat."

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15hb Ogos, 1979 hingga ka-hari Selasa 21hb Ogos, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
15hb Ogos	12.29	3.47	6.38	7.49	4.43	4.58	6.16
16hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
17hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
18hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
19hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
20hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15
21hb Ogos	12.27	3.45	6.35	7.46	4.42	4.57	6.15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

P UASA di-bulan Ramadhan ada-lah satu peluang pada memberikan pembentokan pendirian sa-orang muslim. Pembentokan muslim itu ada-lah dengan mengikut apa2 yang di-bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., ajaran2 yang terkandung dalam Al-Kor'an dan Hadith. Puasa pada hakikat-nya satu pendidekan umat Islam dan latihan2 untok bertanggung-jawab segala tugas2 sa-terusnya berani memikul akibat2 dan kesan2 di-belakang hari nanti. Lebeh jauh daripada itu tidak takut menanggung kesusahan2 hidup. Sebab kehidupan manusia itu tidak luput dari benchana dan pencharoba. Lantaran itu puasa ada-lah sa-bagai satu persiapan diri sa-orang muslim supaya tidak mudah di-pengarohi oleh mana2 anasir yang kurang sehat atau yang tidak sa-chuchok dengan ajaran2 Islam.

Puasa sa-bagai jalan menuju ka-arrah persamaan2 menurut kehendak Islam, ka-arrah demokrasi Islam, muhibbah, dan sama2 berganding bahu memikul tanggung-jawab pada mengerjakan hak2 agama khusus-nya dan hak2 umat umom-nya. Kerana puasa itu salah satu pendidekan bersama yang lengkap antara umat Islam sa-jagat. Sebab umat Islam berpuasa pada satu masa, berbuka puasa pada satu waktu.

Seluruh umat Islam tidak kira struktur golongan itu berada dalam masyarakat, bangsa timor atau barat, berkulit puteh atau hitam semua menghadapi dan menempoh keadaan yang sama, merasakan lapar dan dahaga, sama2 mengerjakan tanggung-jawab hak2 Allah. Persamaan yang di-maksudkan dalam Islam itu boleh melahirkan kesatuan jiwa dalam diri pada menunaikan kewajiban agama. Dari itu timbul kesedaran bagi kesatuan dalam diri itu. Melalui puasa akan dapat membantu serta melahirkan satu pimpinan ka-arrah umat yang lebeh besar dari sa-genap bangsa manusia di-seluruh dunia Islam supaya sama2 bergerak mengerjakan puasa. Ya, kita sedar bulan puasa itu musim beramal kebajikan, bulan takwa kapada Allah, bulan berkat, bulan yang menuju ka-arrah kesatuan umat di-mana umat Islam di-wajibkan puasa sa-lama sa-

bulan dalam sa-tahun, Tidak-lah keterlaluan jika di-katakan bahawa bulan puasa itu ada-lah menguatkan diri ka-arrah maksud: "Orang2 mukmin itu bersaudara", menuju ka-arrah maksud: "Negeri yang berbahagia dan Tuhan yang pengampun".

Berkaitan dengan ini puasa bukan-lah sa-takat menahan makan dan minum sahaja malah puasa itu ada-lah satu2-nya disiplin dari Allah, Tuhan yang maha berkuasa mengetahui segala isi alam ini. Disiplin Allah itu penoh dengan hikmat2 dan rahasia2 di-mana manusia sendiri mengakui tidak dapat menchapai apa-kah hikmat2 dan rahasia2 satu2 surohan Allah itu. Ini bererti orang yang berpuasa itu membawa jiwa-nya selalu ta'at dan patoh kapada Allah. Lantaran itu-lah jiwa menjadi tenang dan tenteram sa-bagaimana yang di-ikrarkan dalam sembahyang:

"Sa-sunggoh-nya sembahyang ku, dan haji ku, dan hidup ku dan mati ku sa-mata2 kerana Allah, Tuhan seru sekalian alam".

Barangkali kita sa-banyak sedikit telah membaca sejarah2 pemimpin Islam yang berhimmah tinggi, berjiwa mulia, berhati waja kerana mereka itu sentiasa melatih diri dan memimpin jiwa mereka menjadi suci murni. Sebab-nya antara lain ia-lah kerana puasa yang sudah termaklum pada kita.

**Bingkisan
minggu
ini**

**PUASA
SA-BAGAI
JALAN
MENUJU
PERSAMAAN
ISLAM**

NEW NOTES

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Chairman of the Brunei Currency Board, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee has announced that two new currency notes will be issued on August 20.

Pehin Dato Lee who is also the State Financial Officer said the two new denominations are of \$500.00 and \$1,000.00.

The front of the notes bear the portrait of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah and His Highness' signature.

The back of the \$500.00 has a picture of the Omar Ali Saifuddin Mosque and the back of the \$1,000.00 has a picture of the Brunei Museum.

In addition to the normal security and watermark, a latent image has been incorporated in the right-hand corner of each note.

This latent image is of the word "Brunei" in the Jawi script and can be seen when the note is positioned flat facing the light at the level of the eye.



Celebrations mark Revelation of Koran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Celebrations to mark the Revelation of the Koran were held simultaneously in the four districts in the State last Friday night.

The celebrations started at nine o'clock and included Koran reading presentations and talks on the significance of the event.

The Brunei Muara District held the celebrations at the new Mohammad Bolkiah Mosque in Kampong Serusop; the Belait District at the Jamalul Alam Mosque, Kuala Belait; the Tutong District at the Kampong Tanjong Maya Mosque; and the Temburong District at the Utama Mohammad Salleh

Mosque, Bangar.

The celebrations were attended by senior religious affairs and other government officials as well as members of the public.

Separate celebrations to observe the occasion were also held at various places in the State last week.

The police training Centre in Jalan Muara and the Kampong Ayer Police Station held the celebrations

at their respective places last Thursday evening.

The programmes included Koran reading and nashid presentations as well as the special talk on the significance of the Revelation of the Koran.

The following Sunday evening, the residents of Kampong Puduk in the Brunei Muara District marked the event with similar programme.

Anti-TB drive

BANDAR SERI BEGAWAN. — Only 0.4 per cent of the people in the Tutong District suffer from tuberculosis.

This was discovered after X-rays had been conducted on more than ninety per cent of the population in the district where the current state-wide campaign against the disease has been carried out during the past several months.

The campaign is being launched by the Chest Clinic of the Medical and Health Department and supervised by the specialist Chest Physician, Dr. Arthur

Sinnatamby.

Dr Sinnatamby said the best opportunity to combat the disease was during the early stage — sometimes even before the sufferer complained of having the symptoms.

The first survey on tuberculosis was conducted in the Temburong District in 1973 under the direction of the previous Specialist Chest Physician, Dr C. S. Rajagopal, who discovered through the use of a miniature radiography that 1.5 per cent of the people in the district had the disease.

Singapore visit for teachers and students

BANDAR SERI BEGAWAN. — A group of seventy-two teachers and adult class students from the Belait District last Thursday left for Singapore for a goodwill visit to the republic.

The group, led by the Adult Class Supervisor of the Mohammad Alam Malay School, Awang Tuah bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman, left in two flights.

During their five-day stay in the republic, they were guests of the Singapore Malay Teachers Union which took them on a tour of places of interests in the republic.

300 more Public Parking Spaces

BANDAR SERI BEGAWAN. — Motorists now pay thirty cents for parking in any parts of the capital and forty dollars a month for seasonal parking under the new regulations which came into effect last Thursday.

Following the introduction of the regulations, the seasonal parking areas at Jalan Pretty, behind the New Boon Pang Cinema and the Town Hall had been discontinued.

This decision by the Bandar Seri Begawan Municipal Board gave the public an extra three hundred parking spaces for their vehicles.

The Municipal Board hoped that now the seasonal parking area is at Jalan Residency, the shortage of parking spaces here has greatly eased.

The Board also hoped that motorists will refrain from using parking spaces reserved for seasonal parking.

Champions in K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei's Koran reading champions, Awang Haji Damit bin Haji Kawang and Dayang Hajjah Masni binte Haji Abd Manaf are now in Kuala Lumpur to represent the State at the International Koran Reading Championships.

Awang Haji Damit and Dayang Hajjah Masni left for the Malaysian capital where the six-day championships have been in progress since August 12, last Friday.

Also in Kuala Lumpur is a Brunei nashid team which had been invited to take part in the nashid presentations that are normally among the items in the programme during the championships.

The twenty-two men team, led by Awang Idris Mohammad, a well-known local band leader, left the State last Wednesday.

Koran reading contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The third Koran reading contest for uniformed personnel of government departments will be held at the Customs wharf here this Saturday starting at 8.00 pm.

A total of sixteen men and woman Koran readers representing eight government departments will take

POLICE WANT RECRUITS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Force as Constables.

Successful applicants will undergo a six-month period of recruit training at the Police Training Centre in Jalan Muara in the middle of October.

Applicants must be Brunei Subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5' 2" in height and be physically fit. The minimum requirement for entry to the Force is Standard VI Malay or English.

The starting salary of a recruit is \$325.00 a month plus \$100.00 allowance. On completion of training basic salary and allowance arises to \$525.00.

Applicants should attend for interview by the Recruiting Officer at the following: —

Bandar Seri Begawan Police Station on Monday 3rd September and also on Tuesday 4th September at 8.00 am and 2.00 pm.

Tutong Police Station on Wednesday 5th September at 8.00 am.

Laminin Police Station on Wednesday 5th September at 2.00 pm.

Kuala Belait Police Station on Thursday 6th September at 8.00 am.

Seria Police Station on Thursday 6th September at 2.00 pm.

Bangar Police Station on Saturday 8th September at 9.00 am.

Bandar Seri Begawan Police Station on Monday 10th September and also on Tuesday 11th September at 8.00 am and 2.00 pm.

Top sport

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei State Youth Council is organising a top spinning contest as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Brunei Muara District.

The competition which will be held at Kampong Sengkurong early next month is open to all Kampongs in the Brunei Muara District.

Lectures for students

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than two hundred students have been attending a series of lectures on Malay literature at the Language and Literature Bureau here.

The lectures, organised by the local writers' association ASTERAWANI, started last Friday following its launching by the Deputy State Religious Affairs Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

They will again be held at the same venue next Friday and on the next two Sundays of this month.

The ASTERAWANI organised the lectures to help the students to prepare for the forthcoming Brunei General Certificate of Education and the Singapore Cambridge examinations.

part in the contest.

It is scheduled to be declared open by Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

The Yang Teramat Mulia will also present the prizes to the winners and other participants in the contest.

PADA siri yang lalu, saya telah memetik sa-bahagian dari isi Akhbar Al-'Alam Al-Islami bilangan 558 bertarikh 16hb Muharram, 1398 bersamaan 26hb. Disember, 1977 tentang kenyataan sa-orang bekas Jenral Turki dalam Kerajaan Othmaniah yang telah membongkar penglibatan Freemasonry di-Turki. Dan pada keluaran kali ini pula, saya petek lagi dari akhbar yang sama keterangan sa-orang ulama, penulis dan mahaguru di-Fakulti Undang2 Universiti Cairo, Mesir. Beliau ia-lah Al-Maghfur lahu Ash-Sheikh Abu Zohrah, yang telah meninggal dunia beberapa tahun lalu (Akhbar Al-'Alam Al-Islami bilangan tersebut di-atas dan bilangan 559 bertarikh 23hb. Muharram, 1398 bersamaan 2hb. Januari, 1978).

Pada suatu hari beliau telah di-tanya oleh sa-orang penuntut, tentang *apa-kah Freemasonry itu? Apa tujuan-nya?* Dengan chepat saya (Ash-Sheikh Abu Zohrah) menjawab: *"Saya tidak tahu, tapi akan saya usahakan mengkaji-nya untuk menjawab soalan awak."*

Di-bawah ini ia-lah che-rita Ash-Sheikh Abu Zohrah sa-penoh-nya:

"Pada masa itu saya ada kenal sa-tengah orang2 Freemason, maka mula-lah saya menghubongi mereka kerana hendak tahu apa dia Freemasonry dan tu-juan2-nya. Tiap kali per-chobaan saya lakukan, saya akan bertemu dengan dua jenis rintangan, per-tama sama ada orang itu *jahil* tentang Freemasonry menyebabkan saya tidak dapat apa pun sa-suatu daripada-nya, dan kedua ataupun saya mesti berhati-hati terhadap orang yang saya tanya itu menyebab-kan (juga) saya tidak akan mendapat apa2.

Akhir-nya hanya ada satu di-hadapan saya, ia-itu (berpura-pura — Penulis) masok Pertubohan Free-masonry. Lalu pergi-lah saya mendaftar nama, dan saya serahkan perkara saya ini kepada Allah Ta'ala jua."

Kemudian Ash-Sheikh Rahimahullah itupun di-tanya sa-jauh mana penge-tahuan-nya mengenai Free-masonry? Jawab-nya:

"Saya tahu bahawa orang2 Yahudi, yang telah di-tekan semenjak kira2 400 tahun di-Eropah, me-reka itu-lah sa-benar-nya yang mengasaskan Free-masonry dengan menjadi-kan-nya sa-buah pertubohan sulit untuk memper-tahankan kepentingan2 merekaserta supaya mereka itu boleh terlepas daripada kedzaliman dan tindakan2. Lalu menyamar-lah mereka masok Ugama Kristian pada dzahir, se-dang sa-benar-nya mereka kekal di-dalam Ugama Yahudi (*sama-lah keadaan-nya di-zaman Rasulullah s.a.w., mereka berpura-pura masok Ugama Islam tetapi sa-benar-nya mereka tetap kufur, dan bahkan ber-usaha memukol umat Islam dari belakang, sa-hingga Al-Kor'an mendedahkan rahasia mereka yang jahat itu dan memberi-nya CHOP dengan nama "munafik"* — Penulis). Sa-sa-

SIRI KE-44

KENYATAAN SA-ORANG ULAMA TERKENAL MENGENAI PERTUBOHAN FREEMASONRY

ma mereka, supaya dapat mengenali antara satu dengan yang lain, lalu mereka chipta-lah tanda2 atau isyarat atau simbol2 yang boleh mereka ber-chakap2 dengan-nya (den-gan isyarat2 tersebut). Mereka juga menchipta gerak-geri atau kelakuan2 tertentu dengan meng-gunakan tangan ketika bersalaman di-antara sa-orang dengan sa-orang yang lain.

Demikian-lah Free-masonry memulakan per-gerakan2-nya dalam gelap, dan membungkus diri-nya dengan perkara2 yang sa-mar dan rahasia. Ia kemu-dian mahu pula menarek orang2 kapada-nya dari kalangan ahli2 fikir, para penulis dan ahli2 siasah yang BUKAN YAHUDI, supaya perasaan dan sim-pati mereka subur dan tumpah kapada Yahudi. (Sa-bagai alat pemikat atau pemanis — Penulis), mereka pun gunakan simbol2 yang indah ter-diri dari tiga rangkai per-kataan: KEBEBASAN, PERSAUDARAAN dan PERSAMAAN. Mereka berjaya menyebarkan-nya ka-merata dunia. Mereka tubuhkan *Mahfil2* atau

Lodge2 Freemason dalam banyak negeri di-serata dunia. Lepas itu mereka (orang2 Yahudi) balek sa-mula berterang-terang, sa-bagaimana mereka yang telah menganut Ugama Kristian balek sa-mula menjadi penganut Ugama Yahudi.

Di-tanya bagaimana-kah bentok upachara me-nerima beliau dalam Pertubohan itu? Ash-Sheikh Abu Zohrah menerangkan: *"Saya tulis nama saya, pekerjaan saya dan ugama saya"*

Ada-lah di-ketahui upa-chara yang pertama ber-langsung dalam sa-buah bilek gelap, jadi ada-kah Ash-Sheikh tahu perihai bilek tersebut? Beliau menjawab: *"saya tiada di-pelawa memasoki bilek yang sa-umpama itu dan saya tidak tahu sa-suatu mengenai-nya."*

Kemudian Ash-Sheikh di-tanya lagi apa yang ganjil dan menarek per-hatian-nya ketika di-Mah-fil atau Lodge atau Majlis Freemason itu? Beliau menjawab: *"Yang me-narek perhatian saya ia-lah suatu lembaga manu-sia terletak di-pintu ma-sok lodge itu. Saya di-beri*

tahu, bahawa lembaga itu ia-lah lembaga sa-orang ahli Freemason yang telah mendermakan lembaga-nya sendiri sa-bagai tanda ikhlas yang mendalam kapada pertubohan itu, walaupun ia sudah mati.

Saya rasa, di-sana ada perkara2 yang tidak boleh di-ketahui oleh semua orang dalam kalangan ahli2 Freemason, bahkan hanya sa-tengah2 mereka sahaja. Demikian juga saya merasa saya di-awasi. Saya tidak di-benarkan masok ka-dalam tiap2 bilek lodge itu. Saya ber-ada dalam masa yang ter-had dalam sa-buah bilek sahaja."

"Saya di-liputi oleh shak wasangka semenjak hari pertama lagi, dan mendapati, bahawa di-sana terdapat pakatan2 rahasia sama ada dari segi dasar ideologi atau dari segi kemasyarakatan.

Saya tidak kuasa untuk mengetahui lebeh dari itu tentang Freemasonry, dan saya mendapati-nya ada-lah sia2 untuk kekal lama di-dalam-nya."

Orang bertanya lagi ka-pada Ash-Sheikh, ada-kah sa-barang ugutan atau anchaman di-tujukan ka-

oleh2 dari
**PERSIDANGAN ISLAM
ASIA YANG PERTAMA**



pada-nya kira-nya ia membochorkan sa-barang rahasia dari rahasia2 Freemasonry itu? Beliau menjawab: *"SAYA TI-DAK-LAH TAKUT ME-LAINKAN HANYA KA-PADA ALLAH S.W.T. JUA, dan kerana itu pula lah saya berchakap. Saya berchita-chita kira-nya saya akan beroleh peluang untuk mengetahui-nya le-beh banyak lagi, sa-hingga dapat pula saya terangkan lebeh dari itu."*

ULASAN.

Dari dua kenyataan masing2 oleh Jenral Jawad Raf'at Atalkhan dan Ash-Sheikh Al-'Allamah Abu Zohrah Rahimahul-lah itu, telah jelas kedu-dokan yang sa-benar, ba-hawa pertubohan itu suatu pertubohan anti Islam dan kufur. Berkata Sahibol Fadzilah Al-'Allamah Mufti Kerajaan Bru-nei, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz dalam fatwa-nya bilangan (16) Dalam M.K.B. 1967/ Pt. 3 bertarikh 25hb. Jamadil Awal, 1398 ber-samaan 2hb Mei, 1978 m.s. 24: *"Barangsiapa bersetuju dan redhakan sa-suatu kufur neschaya ia menjadi kafir dan mur-tad. Begitu-lah kata Ula-ma Islam dan kitab2 fegeh Islam dan yang di-fahamkan dari firman Allah Ta'ala di-dalam Al-Kor'anil Karim, Wallahu a'lam."*

Dari perkataan Ash-Sheikh Abu Zohrah pula, bahawa pertubohan ini suatu pertubohan yang sulit, maka ada-lah amat mudah untuk di-ambil ingatan dan kesimpulan, bahawa pada lazim per-tubohan atau pakatan yang sa-umpama ini ada-lah jahat dan batal, ba-hkan ganas dan kejam tidak berperikemanusia-an, sa-bagaimana perbuat-an mereka menyimpan dan mempamirkan lem-baga manusia yang telah mati dengan tidak di-ta-nam.

(Bersambung)

Apa dia penyakit Tibi ?

Tibi ia-lah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh Tubercle Bacillus ia-itu sejenis kuman penyakit. Tubercle Bacillus ini seringkali menyerang paru2 atau mana2 bahagian tuboh badan.

Bagaimana penyakit ini menjangkiti kita ?

Penyakit Tibi atau Batok Kering boleh berjangkit kepada kita dari orang2 yang mengidap penyakit tersebut. Hembusan nafas dari mereka boleh membawa jangkitan penyakit ini sekiranya paru2 mereka rosak. Mereka mengeluarkan sedikit titisan ayer apabila mereka berchakap, batok atau bersin. Titisan ini mengandungi bacilli Tibi. Apabila kita menarik nafas sedang kita berdekatan dengan pengidap penyakit ini kita akan menyedut udara yang mengandungi bacilli ini dari pesakit tersebut yang mana kemudian-nya berkumpol dalam paru2 kita dan akhir-nya mendatangkan penyakit kepada kita.

Bagaimana kita menghindarkan dan mencegah diri dari penyakit ini?

Kita boleh menentang penyakit ini dengan bersuntek BCG. Semua anak2 damit yang baru lahir mesti-lah di-suntek dengan BCG. Sa-siapa yang ingin mendapatkan suntikan ini boleh-lah datang ka-rumah sakit untuk bersuntek. Pada umum-nya kita juga boleh mencegah penyakit ini dengan memakan makanan yang berimbang dan yang banyak mengandungi zat. Ia-nya juga dapat di-chegah dengan mengadakan latihan dan istirehat yang mencukupi.

SEMPENA KEMPEN MENCHEGAH BATOK KERING

MENGENALI APA ITU TIBI (TB) ATAU BATOK KERING

Bagaimana kita mengetahui yang kita mengidap penyakit ini ?

Gejala2 penyakit ini ia-lah jika kita batok berpanjangan lebih dari dua minggu, berlu-dahkan darah, mendapat demam terutama sekali pada waktu2 petang, kuat berpeloh dan kurang berat badan.

Jika kita merasa ragu2 yang kita juga mungkin di-hinggapi penyakit ini, maka kita hendaklah terus berjumpa doktor siapa yang akan memeriksa ayer-ludah kita, mengx-ray dada kita, dan kemudian-nya menentukan sama ada kita mengidap penyakit Tibi atau pun tidak.

Sa-tengah pesakit2 yang baru sahaja di-kenali penyakit ini dalam peringkat yang awal tidak ada mempunyai atau pun ternampak akan gejala2 penyakit ini sama sekali. Sebab itu lah Jabatan Perubatan memulakan mengx-ray sa-tiap orang di-negeri ini. Kempen mengx-ray penduduk2 yang berumur 15 tahun ka-atas sedang berjalan di-Daerah Tutong.

Kalau penyakit ini mula dirawat dari peringkat yang awal



Keterangan ini di-sediakan oleh Pegawai Pelawat Kesihatan Bahagian Penyakit Dada, Yang Amat Mulia, Pengiran Lela Perkasa Pengiran Haji Md Said bin Pg Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

maka sudah tentu ia-nya dapat di-kawal dan di-ubati dengan segera sa-belum paru2 menjadi rosak sa-lama2-nya.

Dapat-kah penyakit ini di-ubati ?

Sudah tentu ia-nya dapat di-

ubat sekira-nya penyakit ini dirawat dari peringkat awal. Walau pun dalam peringkat akhir, kemelatan penyakit ini dapat di-chegah. Sa-tengah kerosakan paru2 pula dapat di-bentok yang mana dengan demikian pesakit akan merasa dalam keadaan yang lebih baik.

Apa yang penting ia-lah :—

- Berjumpa doktor sebaik2 sahaja awda menshaki mendapat penyakit Tibi;
- Mengikut nasihat-nya dan selalu mendapatkan rawatan sebagaimana yang di-tentukan.

Bagaimana-kah rawatan-nya ?

Pesakit hendaklah memakan 7 (tujuh) biji tablet/capsule tiap2 hari sa-lama 2 (dua) minggu dan kemudian 5 (lima) biji dua kali seminggu selama 1 satu tahun. Beberapa orang pesakit-pesakit yang sudah terok mengidap penyakit ini dikehendaki mendapatkan suntikan sekali pada tiap2 hari sa-lama 2 (dua) minggu.

Boleh-kah saya meneruskan pekerjaan saya atau pergi bersekolah sa-masa dalam rawatan ?

Ya!! Kebanyakan pesakit2 dapat meneruskan pekerjaan atau pengajian mereka semasa dalam rawatan selepas 2 (dua) hingga 4 (empat) minggu berchuti berubat pada peringkat permulaan. Sa-tengah pesakit2 yang hanya sedikit di-kenai penyakit ini tidak payah lagi memerlukan chuti berubat ini. Ada-kah saya boleh mendatangkan jangkitan kepada orang2 di-rumah dan orang2 sekerja dengan saya ?

Sa-tengah pesakit2 tidak mempunyai bacilli Tibi dalam ayer ludah mereka. Pesakit ini tidak merbahaya kepada mereka yang ada di-sekeliling pesakit2 tersebut.

Tetapi Pesakit2 yang mempunyai bacilli dalam ayer ludah, mereka ada-lah merbahaya tetapi dapat di-elakkan sa-telah di-rawat sa-lama 2 (dua) minggu. Pesakit2 ini perlu di-tahan di-Rumah Sakit sa-lama 2 (dua) minggu.

Derma untuk Tabong Anak2 Yatim

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pengerusi Jawatankuasa Tabong Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara, Yang Amat Mulia, Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin telah menerima dua sumbangan derma berjumlah \$658.90 untuk tabong tersebut.

Pakatan Peniaga2 Kecil di-Tamu telah menderma sa-jumlah \$338.60 dan Kakitangan Kerahan Tenaga Awam dari chawangan Bolkliah Kem menderma sa-jumlah \$320.30.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan kepada Yang Amat Mulia itu dalam dua majlis yang berasingan minggu lalu.

Derma dari Pakatan Peniaga2 Kecil di-Tamu telah di-sampaikan oleh Awang Kamis bin Sulaiman dan di-saksikan oleh Awang Salleh bin Yaakob sementara derma dari kaki-tangan Kerahan Tenaga Awam telah di-sampaikan oleh Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Ali dan di-saksikan oleh Awang Abidin bin Md Zain.

Pengerusi Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim bagi Daerah Brunei-Muara mengharapkan supaya akan lebih banyak lagi anak2 tempat-an yang sedia menyumbangkan derma bagi membiayai keperluan anak2 yatim di-negeri ini terutama sekali sa-masa musim hari raya.

Yang Amat Mulia juga telah

menchatatkan penghargaan dan menguchapkan terima kasih kepada penderma2 yang telah sudi menyumbangkan wang mereka dalam perkara yang berkebajikan sa-umpama itu.

Sementara itu Pelita juga telah di-fahamkan bahawa hingga sa-takat ini lebih daripada \$7,000 telah di-kumpulkan hasil dari kutipan2 derma sejak bulan Januari lalu dan wang2 tersebut akan di-bahagi2kan kepada anak2 yatim di-Daerah Brunei-Muara menjelang hari raya nanti.

Oleh yang demikian Setia Usaha Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar telah mengingatkan dan meminta kepada Ketua2 Kampong di-daerah ini supaya menghantar senarai nama anak2 yatim di-kampung masing2 yang berumur 14 tahun ka-bawah kepada Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit di-Jabatan Penchen atau Awang Haji Sabli bin Haji Metussin di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kirim kad2 hari raya sa-belum terlambat

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei mengingatkan orang ramai supaya mengirimi kad2 uchap Selamat Hari Raya lebih awal dan selewat2-nya 18hb Ogos ini bagi kad2 yang di-kirim dalam negeri dan 16hb Ogos bagi kad2 yang di-kirim ka-Singapura, Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak.

Menurut sa-orang juruchakap jabatan itu, langkah ini di-ambil untuk memastikan bahawa kad2 yang di-kirimkan itu akan sampai pada masa-nya sa-belum Hari Raya.

Orang Ramai juga di-minta

bekerjasama dalam mempercepat kerja2 memproses dan menghantar kad2 itu dengan menulis alamat dengan terang dan menampal setem dengan betul.

Untuk kad uchap selamat yang di-kirim dalam negeri, bayaran yang di-kenakan ia-lah 10 sen bagi sampul2 surat yang berat-nya tidak melebihi 28 gm.

Dan bagi kad2 uchap selamat yang di-kirim ka-Singapura, Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak bayaran yang di-kenakan ia-lah sa-banyak 20 sen bagi sampul surat yang berat-nya tidak melebihi 28 gm.



